



## MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8892 6600 Faks: 03-8892 6616

Laman web: [www.wipers.gov.my](http://www.wipers.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **KARNIVAL SUKAN WILAYAHKU WADAH TERBAIK MENYATUPADUKAN DAN MENYIHATKAN WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN**

**LABUAN, 8 Februari 2020** – YB Tuan Haji Khalid bin Abd Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyempurnakan Karnival Sukan Wilayah Persekutuan Peringkat Labuan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020.

Karnival Sukan merupakan salah satu program tahunan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan, Jabatan Belia Dan Sukan Labuan serta kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan lain.

Penganjuran Karnival Sukan ini bertujuan membudayakan sukan dan menerapkan amalan gaya hidup sihat di kalangan warga Wilayah Persekutuan tanpa mengenal peringkat umur, jantina, kaum serta agama. Di samping itu, ia dapat mengetengahkan bakat dan kemahiran warga Wilayah Persekutuan dalam bidang sukan serta dapat mengukuhkan lagi rasa kecintaan kepada Wilayah Persekutuan.

Sebanyak 11 acara sukan telah dipilih termasuk acara sukan yang menjadi kegemaran masyarakat Labuan bagi menarik penglibatan mereka sekaligus dapat mengumpulkan lebih ramai warga Labuan meraikan sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini.

Acara sukan yang diadakan termasuk *Fun Walk*; *Fun Run*; *Fun Ride*; Boling Padang; Petanque; Bola Tampar Pantai; Kayak; Sukan Tradisional ( Lumba Karung, Lari Bawa

Bola Ping Pong, Lari Ikat Kaki, Pertandingan Minum Air Kelapa dan Gasing Tradisional); Futsal; Beyblade dan E-Sport.

Kementerian Wilayah Persekutuan serta agensi akan merancang pelbagai program yang lebih kreatif untuk menarik penglibatan komuniti setempat terutama aktiviti yang menjadi ejen perpaduan masyarakat.

**Disediakan Oleh:**

**Unit Komunikasi Korporat  
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan  
8 Februari 2020**